

29 JAN 2000

Mahathir-Chirac

DR M DAN PRESIDEN CHIRAC SETUJU KEMERDEKAAN UNTUK KOSOVO

Oleh: Wan Ahmad Hulaimi

PARIS, 29 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang kelihatan bersama Presiden Chirac selepas makan tengah hari di Elysee Palace berkata beliau banyak sependapat dengan presiden itu berbanding kebanyakan pemimpin Barat lain, hanya mereka berdua tidak sependapat berkaitan tempoh waktu bagi kemerdekaan Kosovo.

Menekankan kemesraan antara rakyat Malaysia dan Perancis pada pertemuan ketiga mereka setakat ini, Dr Mahathir berkata rancangan sedang diusahakan bagi pertukaran teknologi dalam bidang pembuatan dan membaik pulih pesawat Airbus.

Jamuan makan itu juga dihadiri oleh Menteri Pertahanan Perancis Alain Richard, wakil khas Malaysia ke Perancis Tan Sri Ahmad Kamil dan Duta Malaysia ke Perancis Datin Paduka Dr Rajmah Hussain.

Dr Mahathir yang kelihatan tenang pada sidang berita di Salon Marie Antoinette di Hotel Plaza Athenee berkata perbezaannya dengan Presiden Chirac ialah beliau mahukan Kosovo merdeka dengan segera manakala Perancis mahukan sedikit masa lagi.

Beliau berkata Malaysia bersedia memberikan bantuan teknikal dan keselamatan kepada Kosovo untuk mempercepatkan pilihan raya di sana.

Berkaitan hubungan Malaysia-Perancis beliau berkata Malaysia boleh bekerjasama dengan Perancis, dan akan ada perundingan antara kedua-dua negara sebelum Mesyuarat Asia Eropah (ASEM) di Seoul Oktober ini.

Antara perkara yang dibincangkan pada jamuan makan itu ialah hubungan dua hala dan antarabangsa, kata Dr Mahathir.

Dr Mahathir berkata beliau juga menjemput Prsiden Chirac untuk membuat lawatan rasmi ke Malaysia.

Lebih ramai rakyat Perancis patut melawat Malaysia tetapi masalahnya Penerbangan Malaysia (MAS) ke perancis tidak mencukupi, kata Dr Mahathir.

Katanya permintaannya untuk lebih banyak hak mendarat bagi MAS dijawab dengan jawapan lain oleh syarikat penerbangan di sana.

Dr Mahathir berkata beliau telah mengkaji sistem mata wang tunggal Eropah (Euro, memandangkan untuk mengadakan sistem satu mata wang di Asean, tetapi nampaknya Euro tidak begitu baik kerana ia susut nilai.

"Kami nak tahu apakah mekanisme untuk sistem satu mata wang. Orang sekarang tidak melihat mata wang sebagai cara pertukaran tetapi sebagai komoditi," katanya.

Beliau juga ditanya pemberita berkaitan kritikan terhadapnya berkaitan tindakan undang-undang terhadap orang politik.

Dr Mahathir berkata pemberita itu perlu ingat beberapa menteri kerajaan di Malaysia juga telah dihukum dan Umno sendiri diisytiharkan haram oleh mahkamah.

Beliau berkata pembangkang mengkritik undang-undang apabila ia digunakan terhadap mereka tetapi lupa bahawa di Malaysia undang-undang adalah sama terhadap semua orang.

Katanya beliau gembira dengan keputusan pilihan raya yang lalu yang mana kerajaan mengekalkan majoriti dua pertiga.

"Saya yakin akan juga memenangi pilihan raya yang akan datang," katanya dengan senyuman.

-- BERNAMA

WAH RI